



24 JAN, 2024

Berganding bahu banteras penyeludupan

Utusan Sarawak, Malaysia



Berganding bahu banteras penyeludupan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua pasukan keselamatan negara berganding bahu membanteras aktiviti penyeludupan yang mengakibatkan Malaysia mengalami kerugian puluhan bilion ringgit.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta lain-lain agensi keselamatan, perlu bekerjasama membanteras penyeludupan yang disifatkannya kini semakin rumit.

"Kerjasama dengan badan penguat kuasa lain sangat penting seperti Kastam, PDRM, APMM dan agensi (tunggal) sempadan.

"Semua kerjasama itu penting kerana kita berhadapan kelompok yang rakus, penyeludup yang canggih dan kehilangan dana akibat penyeludupan ... minyak, dadah, rokok dan arak, itu cecah

puluhan bilion ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini semalam.

Anwar berkata, JKDM dan PDRM juga telah membuktikan kecekapan masing-masing dalam membanteras penyeludupan dadah dengan kejayaan rampasan dan tangkapan melibatkan sindiket.

"Kita menyaksikan catatan membanggakan termasuk pihak JKDM, dalam usaha untuk membanteras penyeludupan dadah yang cecah nilai besar.

"PDRM juga bertindak tangkap dan dakwa kelompok bermaharajalela sekian lama iaitu penyeludup dadah terkenal di Sabah," katanya.

JKDM sebelum ini dilaporkan berjaya menggagalkan cubaan menyeludup 6.13 kilogram (kg) dadah bernilai RM1.22 juta yang disembunyikan dalam bagasi di Lapangan Terbang Antarabangsa



PERDANA Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bergambar kenangan pada Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia Ke-42 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam. Turut kelihatan, Menteri Kewangan II Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

• Foto BERNAMA

Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1, Sepang pada 9 Januari lepas.

Atas sumbangan bakti pasukan keselamatan kepada negara, Anwar berkata kerajaan akan memberi keutamaan melaksanakan projek perumahan kepada semua agensi keselamatan berkenaan tahun ini, melalui tender khas.

"PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, APMM dan JKDM kita

beri keutamaan perumahan pada 2024, saya minta disegerakan dan tidak ikut proses tender biasa.

"Ia (proses) terpaksa ikut tender (khas) kerana bila tidak ikut tender, bila ada rundingan, ini biasanya 10 atau 20 peratus itu bocor ke (tempat) lain," katanya dan menambah kebajikan pasukan keselamatan sentiasa menjadi keutamaan

kerajaan.

Sementara itu, Anwar mengingatkan pasukan keselamatan negara supaya melaksanakan tugas dengan ikhlas serta sentiasa menekankan tatakelola yang baik.

"Tonggak asas mendasari semua ini adalah khidmat kita, keikhlasan kita dan cara kita urus (tugas) dengan tatakelola baik," katanya. — Bernama



24 JAN, 2024

Berganding bahu banteras penyeludupan

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua pasukan keselamatan negara berganding bahu membanteras aktiviti penyeludupan yang mengakibatkan Malaysia mengalami kerugian puluhan bilion ringgit. Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta lain-lain agensi keselamatan, perlu bekerjasama membanteras penyeludupan yang disifatkannya kini semakin rumit."Kerjasama dengan badan penguat kuasa lain sangat penting seperti Kastam, PDRM, APMM dan agensi (tunggal) sempadan.